

PANDUAN
PELAJAR MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI LUAR KAMPUS DAN LUAR
NEGARA
(GUIDELINES :
RESEARCH STUDENTS AT REMOTE LOCATIONS)

1.0 TUJUAN

Dokumen ini bertujuan memberi garis panduan kelulusan permohonan pelajar sepenuh masa menjalankan penyelidikan di luar kampus dan luar negara. *The purpose of this document is to provide guidelines on approval for application by full time students to carry out research away from the university campus and at overseas locations.*

2.0 PERMOHONAN

- 2.1 Kelayakan akademik yang sama dengan program perdana perlu dipenuhi (*The same academic qualifications as the main stream programs are required*).
- 2.2 Pelajar perlu memiliki kelulusan bahasa Inggeris seperti disyaratkan sebelum pendaftaran program. (*Students are required to satisfy the English language requirement before program registration*).
- 2.3 Fakulti dan penyelia perlu memberi persetujuan dan pengesahan bahawa pengajian ini boleh dilaksanakan sedemikian dengan jayanya (*The faculty and supervisor should give consent and verification that the research can be carried out successfully despite being conducted remotely*)
- 2.4 Calon pelajar perlu memenuhi syarat-syarat berikut (*The candidate must fulfill the following conditions*).

- 2.4.1 Mempunyai pengalaman penyelidikan dan kemampuan melaksanakan penyelidikan kendiri (*Having research experience and able to work independently*).
- 2.4.2 Bekerja di institusi penyelidikan atau institusi pengajian tinggi. Jika tidak, pelajar perlu mendapat persetujuan penyelia dan fakulti bahawa beliau mampu menjalankan penyelidikan di lokasi berkenaan (*Working in research institute or institution of higher education. If not, the candidate has to provide proof that the research can be carried out at the location*)).
- 2.4.3 Bukti ada kemudahan dan peralatan penyelidikan di lokasi penyelidikan (*Proof of the availability of research facilities at the location*).
- 2.4.4 Bukti ada kemudahan komunikasi seperti internet, komputer dan perpustakaan di lokasi penyelidikan (*Proof of the availability of communication facilities such as internet, computer and library at the location*).
- 2.4.5 Bukti pelajar diberi masa yang mencukupi oleh majikan untuk menjalankan penyelidikan. (*Proof that the candidate is given enough time by his/her employer to carry out the research work*).
- 2.4.6 Pelajar perlu menulis kertas cadangan pelaksanaan program yang menggariskan pelaksanaan penyelidikan dan membuktikan perkara 2.4.2 – 2.4.5. (*Students have to write a proposal on the implementation of the research and proof of item 2.4.2 – 2.4.5*).
- 2.4.7 Permohonan hendaklah dibuat selepas membuat pendaftaran. (*Application must be made after registration*).

3.0 SYARAT GRADUAN (GRADUATION REQUIREMENTS)

- 3.1 Pelajar perlu memenuhi semua syarat graduan universiti, contohnya lulus kursus Methodologi Penyelidikan, Elektif Umum Universiti dan lain-lain. (*Students must fulfill all the requirements for graduation required by the university, e.g. pass the Research Methodology course, University Elective courses, etc.*).

4.0 PENYELIDIKAN (THE RESEARCH)

- 4.1 Universiti tidak bertanggung jawab menyediakan modul khas kursus Metodologi Penyelidikan dan lain-lain kursus yang disyaratkan. (*University is not obliged to provide special modules for the required courses such as Research Methodology and others*).
- 4.2 Pelajar perlu mengikuti kursus yang telah dijadualkan di UTM. (*Students are required to attend courses as scheduled by the university*).
- 4.3 Perjumpaan dengan penyelia sebagaimana dipersetujui dalam proposal dalam hal 2.4.6. (*Meeting with the supervisors as agreed in the proposal as in item 2.4.6*).
- 4.4 Pelajar perlu berkomunikasi dengan penyelia sekurang-kurangnya sekali sebulan. (*Students should communicate with the supervisors at least once a month*).
- 4.5 Pertemuan bersemuka dengan penyelia perlu dibuat sekurang-kurangnya sekali setiap semester. (*Should meet the supervisor in person at least once every semester*).
- 4.6 Universiti berhak meminta pelajar hadir di universiti pada bila-bila masa dengan kos yang ditanggung oleh pelajar (*University has the right to ask the student to be present at the university at any time with the costs borne by the student*).
- 4.7 Dalam keadaan tertentu, jika penyelia perlu mengesahkan penyelidikan pelajar di luar kampus, kos adalah ditanggung oleh pelajar (*In the event that the supervisor has to verify the research*

(work at the remote location, the costs incurred is the responsibility of the student).

- 4.8 Semua pertemuan dan komunikasi dengan penyelia perlu direkodkan dan diserahkan kepada universiti jika diminta (*All meetings and communications with the supervisor(s) should be recorded and submitted to the university if requested*).
- 4.9 Digalakkan melantik penyelia luar dari negara atau institusi berkenaan dengan kos ditanggung oleh pelajar (*External supervisor from remote location, is encouraged to be appointed with the costs borne by the student*).
- 4.10 Membuktikan kemajuan penyelidikan di akhir setiap semester dengan mengemukakan borang Laporan Kemajuan yang telah dipenuhi serta lampiran yang berkaitan (*Proof of research progress at the end of each semester by submitting the completed Progress Report form and relevant attachment*).
- 4.11 Universiti tidak bertanggung jawab menyediakan kemudahan penyelidikan di luar universiti (*The University is not obliged to provide facilities outside UTM*).
- 4.12 Pelajar tertakluk kepada semua peraturan universiti dan AUKU. (*Students are subject to university's regulations and AUKU*)

5.0 PEPERIKSAAN (EXAMINATION)

- 5.1 Pelajar perlu hadir bagi pembentangan penilaian peringkat pertama (*Students must be present during the first assessment presentation*).
- 5.2 Pelajar perlu hadir sesi peperiksaan lisan (*Students must be present during the viva-voce examination*).
- 5.3 Semua syarat lulus peperiksaan perlu dipenuhi (*All examination requirements must be satisfied*).

6.0 KOS (COST)

6.1 Semua implikasi kewangan perlu ditanggung oleh pelajar (*All cost implications should be borne by the students*).

7.0 IMIGRESEN DAN HAL LAIN (IMMIGRATION AND OTHERS)

- 7.1 Pelajar dikehendaki mempunyai Pas Pelajar untuk memasuki Malaysia bagi tujuan pengajian. Walau bagaimanapun, pelajar warganegara negara selain dari yang tersenarai di Lampiran A dibenarkan menggunakan Pas Lawatan Sosial. (*Students must have valid Student Pass to enter Malaysia to study. However, students who are citizens of countries except those listed in Appendix A are permitted to use Social Visit Pass*).
- 7.2 Universiti tidak bertanggung jawab terhadap kemalangan menimpa pelajar semasa menjalankan kajian di lokasi berkenaan serta semasa perjalanan ke Universiti (*The University will not be responsible if accidents occur at the remote locations or while travelling to the university*).
- 7.3 Pelajar digalakkan mendapat perlindungan insuran. (*Students are encouraged to obtain insurance protection*).